



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2008/2009

NAMA MATA PELAJARAN	:	PERANCANGAN DAN REKABENTUK LANDSKAP
KOD MATA PELAJARAN	:	DFY 3333
KURSUS	:	3 DFT
TARIKH PEPERIKSAAN	:	APRIL 2009
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN A DAN JAWAB SATU (1) SOALAN SAHAJA DARIPADA BAHAGIAN B.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1 (a) Setiap tumbuh-tumbuhan mempunyai kriteria-kriteria tersendiri iaitu nilai, kepentingan, kegunaan dan keistimewaannya dari pelbagai aspek. Senaraikan **tujuh (7)** kriteria penting sewaktu memilih sesuatu tumbuhan itu. (14 markah)
- (b) Tumbuh-tumbuhan merupakan antara komponen landskap yang penting di dalam sesebuah projek landskap. Pemilihan tumbuh-tumbuhan perlulah berdasarkan sifat, karektor dan rupabentuk semulajadi tumbuh-tumbuhan yang dapat memberikan sesuatu fungsi kepada sesebuah rekabentuk. Senaraikan **enam (6)** peranan dan sumbangan penting bagi sesebuah tumbuhan itu dan terangkan secara ringkas fungsi-fungsi peranan tersebut. (12 markah)
- S2 (a) Bagi sesebuah projek landskap di kawasan perbandaran, terdapat banyak permasalahan-pemmasalah manusia, kenderaan dan alam sekitar yang perlu ditangani dengan penggunaan tumbuh-tumbuhan. Berikan **lima (5)** fungsi tumbuhan dari sudut kejuruteraan bagi menyelesaikan permasalahan-permasalahan tersebut. (10 markah)
- S3 (a) Dalam proses merekabentuk landskap, terdapat beberapa prinsip rekabentuk yang biasa digunakan. Dengan bantuan lakaran, huraikan **lima (5)** di antara prinsip-prinsip tersebut. (15 markah)
- (b) Antara prinsip-prinsip yang dihuraikan di atas, pilih satu prinsip yang anda rasakan paling sesuai digunakan dalam merekabentuk landskap kediaman anda dan berikan pendapat anda mengapa prinsip tersebut merupakan pemilihan yang terbaik. (10 markah)
- S4 (a) Apakah lukisan-lukisan atau dokumentasi yang perlu ada pada pembentangan cadangan rekabentuk landskap untuk dipersembahkan kepada pihak pelanggan? Senaraikan **enam (6)** daripadanya. (6 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan Pelan Tanaman atau '*planting plan*'? (2 markah)
- (c) Senaraikan **enam (6)** item penting yang perlu ada dalam senarai jadual tumbuh-tumbuhan atau '*plant schedule*' di bahagian petunjuk atau '*legend*'. (6 markah)

BAHAGIAN B

- S5** (a) Dengan ayat anda sendiri, ulaskan penilaian anda terhadap keadaan rekabentuk landskap di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kritik dari sudut pemerhatian anda sendiri dari sudut positif mahupun negatif atau kelemahannya. (10 markah)
- (b) Berdasarkan kelemahan yang anda nilai, cadangkan idea-idea yang anda fikirkan perlu dan menarik bagi pembaihtaraf rekabentuk landskap di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia berpandukan ilmu pengetahuan yang diperolehi dalam matapelajaran ini samada konsep, prinsip, taman-taman atau ruang-ruang baru mahupun cadangan landskap kejur dan lembut. Nyatakan juga fungsi dan kepentingan cadangan anda. Anda juga boleh membuat lakaran bagi membantu penerangan. (15 markah)
- S6** Berdasarkan lawatan kelas anda ke Putrajaya, ulaskan penilaian anda terhadap keadaan rekabentuk landskap di Taman Botani Putrajaya. Anda diminta menyentuh tentang ruang masuk, sirkulasi, tumpuan, kepelbagaian ruang dan aktiviti, fasiliti, konsep, prinsip rekabentuk, komponen landskap lembut dan landskap kejur, keselamatan di dalam rekabentuk dan nodus mahupun sub-nodus. Ulas mengikut pemerhatian anda sendiri berlandaskan ilmu pengetahuan yang diperolehi dalam matapelajaran ini. Anda juga boleh membuat lakaran bagi membantu penerangan. Rumuskan adakah rekabentuk landskap berjaya menarik perhatian anda atau sebaliknya. (25 markah)